

Perkukuh kerjasama selesai cabaran dunia

Anwar tegaskan negara Selatan Global tak perlu bergantung kuasa besar henti kekejaman di Gaza

Oleh Latifah Arifin dan Ilah Hafiz Aziz
news@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, negara Selatan Global perlu memperkukuh perpaduan dan bekerjasama menyelesaikan cabaran dunia tanpa bergantung kepada kuasa besar.

Merujuk Semenanjung Gaza sebagai contoh, Perdana Menteri berkata, jelas ketidakadilan apabila orang awam tidak bersalah dibunuh tanpa sebarang tindakan atau hukuman ke atas pelakunya, justeru situasi seperti ini memerlukan tindak balas bersama.

"Gaza adalah contoh nyata. Seluruh dunia boleh mengadu ba-

hawa mereka (Israel) akan terus membunuh bayi, kanak-kanak dan wanita dan terlepas daripada sebarang tindakan.

"Jadi, apakah penyelesaiannya? Penyelesaiannya ialah membina persefahaman Selatan Global agar mampu menyelesaikan sebahagian masalah itu sendiri dan tidak bergantung kepada mana-mana kuasa besar," katanya.

Beliau berkata demikian pada temu bual bersama penyampai CGTN, Zheng Junfeng, semasa lawatan kerja ke China, baru-baru ini.

Multilateralisme tak diendahkan

Anwar berkata, multilateralisme semakin tidak diendahkan oleh kuasa besar, maka negara membangun perlu mengambil inisiatif melindungi kepentingan politik dan ekonomi masing-masing.

"Kita faham masalah ini, beberapa banyak resolusi pun boleh diluluskan, tetapi ia tetap tidak diendahkan kerana tidak seperti kefahaman pada masa lalu bahawa multilateralisme adalah jawapan, kita lihat berkali-kali ia tidak dihormati," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, Malaysia menjadi jambatan antara ASEAN dan negara anggota Pertubuhan Kerjasama Shanghai (SCO) dalam usaha mempertingkatkan hubungan perdagangan, pelaburan dan meluaskan asas pasaran.

Katanya selaku Pengerusi ASEAN, keberkesanan SCO yang ditubuhkan di Shanghai pada 2001 sewajarnya dimanfaatkan secara menyeluruh.

Katanya, jempunan julung kali oleh Presiden China, Xi Jinping membuahkan hasil positif dan membawa kepada kerjasama selanjutnya.

"Ini kali pertama (Malaysia) menyertai dan terbabit dengan SCO kerana jempunan Presiden China, Xi Jinping sebagai pengerusi.

"Jadi, kita telah melihat keberkesananannya dan berharap untuk terus bekerjasama dengan SCO tetapi (anda) melihat keseluruhan strategi sekarang, dari Malaysia dan saya (turut) menggalakkan rakan saya di ASEAN," katanya.

Anwar berkata, pada masa sama, Malaysia mengekalkan kerjasama serantau melalui ASEAN, ASEAN+ dan pembabitian baharu dalam pelbagai keanggotaan lain.